

# Staf UMSKAL hayati Taklimat Formula Pendanaan Baru

UB 21.1.16 B3

LABUAN: Kira-kira 195 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mendengar dan menghayati Taklimat Formula Pendanaan Baru dan Petunjuk Prestasi Utama UMS.

Majlis yang diadakan

secara persidangan video dari Dewan Canselor UMS Kota Kinabalu itu dihadiri pegawai, pensyarah dan kakitangan universiti.

Turut mendengartaklimat yang diadakan di Podium D Bangunan Menara UMSKAL itu ialah Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal

yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Selain itu, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin, ketua-ketua bahagian dan pegawai kanan UMSKAL juga turut hadir.



**SEBAHAGIAN** pegawai, pensyarah dan kakitangan UMSKAL yang menghadiri Taklimat Formula Pendanaan Baru.